NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

EDISI#04

19 Jan 2024 – 26 Jan 2024



KUMPULAN PENYELIDIK
YAYASAN STRATEGIK LESTARI

DR. MUKHTAR MUSA • HANISAH • HAFIZUDDIN • IZZAT • SHAUQI JOHARA

ISI KANDUNGAN

"Buruh" Berpendidikan Tinggi? 2
JS-SEZ: Peluang Untuk SG4 4
PEMILU 2024: Prabowo Dahului Sokongan 6
Institusi Mufti Semakin Diperkecil 9
Mungkinkah Wujud Kartel Beras? 11
Cukai Perkhidmatan Digital Meningkat Lebih 2% 13

NEXUS merupakan rangkuman isu semasa mingguan yang disediakan oleh kumpulan penyelidik Yayasan Strategik Lestari bagi mencerakinkan maklumat terkini menerusi lensa analitikal lalu dicerna oleh pembaca.

Segala ulasan yang dikepilkan adalah tanggungjawab pengulas sendiri. Para pembaca boleh berkongsi maklum balas menerusi emel: penyelidik@yslestari.org.my

"Buruh" Berpendidikan Tinggi?

- Berita yang tular di media sosial baru-baru ini berkaitan seorang pensyarah IPTS yang berhijrah dan **bekerja sebagai tukang bersih** di Singapura telah menimbulkan semula isu berkenaan gaji dan beban tugas pensyarah.
- Isu yang sering berbangkit adalah beban kerja pensyarah yang tidak setimpal dengan gaji. Ini telah menyebabkan lebih daripada 30,000 pensyarah di universiti awam **tertekan** seperti yang dinyatakan oleh Ketua Kluster Tadbir Urus, Undang-undang dan Pengurusan Majlis Profesor Negara Prof Prof. Dr Nik Ahmad Kamal Nik Mahmood.
- Dunia akademik seorang pensyarah berubah mengikut keperluan zaman. Jika diimbau, **skop tugasan hakiki** seorang pensyarah bermula dengan tanggungjawab yang dikenali dengan 5P iaitu, Pengajaran dan Pembelajaran, Penyelidikan, Perundingan, Pengurusan dan Perkhidmatan Masyarakat.
- Namun hakikatnya kini peranan tambahan iaitu penjanaan pendapatan, pengantarabangsaan, pengiktirafan profesional dan perhubungan dengan industri terus membebani pensyarah bagi petunjuk prestasi utama (KPI) seorang pensyarah sebelum dinaikkan pangkat kepada Profesor Madya dan seterusnya Profesor.
- Isu yang berlegar tentang kekecewaan pensyarah universiti ini sebenarnya bukanlah sepenuhnya tentang bebanan kerja, namun ia juga berkisar tentang **gaji yang diterima tidak setimpal** dengan beban. Kerajaan telah menyedari hakikat ini dan telah berjanji untuk melakukan sesuatu.
- Ini dapat dilihat melalui janji YAB Perdana Menteri ketika berprogram di UTM Skudai. Menurut beliau kerajaan bersetuju melakukan **pelarasan tangga gaji** pensyarah, profesor pensyarah, yang sudah 10, 12 tahun tidak dikaji dan tidak dinaikkan.

- Namun, sehingga kini kajian pelarasan bagi gaji pensyarah masih belum menunjukkan tanda-tanda positif.
- Adalah dikhuatiri, kegagalan kerajaan untuk bertindak segera menangani isu gaji pensyarah yang tidak setimpal ini akan mendorong pensyarah-pensyarah berpengalaman berhijrah ke luar negara yang menawarkan gaji yang tinggi sesuai dengan ilmu dan pengalaman mereka.
- Atau kita khuatir, pensyarah-pensyarah muda yang terdesak dengan kehidupan ketika kini mengambil tindakan seperti yang telah tular, iaitu rela menjadi tukang bersih di luar negara semata-mata untuk gaji tinggi. Akibatnya kita kehilangan para cerdik pandai yang rela menjadi "buruh" berpendidikan tinggi.

RUJUKAN

- https://thesun.my/local_news/public-university-academics-overworked-underpaid-AB11985746
- https://www.utusan.com.my/berita/2024/01/30000-pensyarah-berdepan-tekanan/
- https://www.hmetro.com.my/utama/2019/12/527591/ilmu-tinggi-kerja-tiada
- https://malaysiamadani.gov.my/2023/09/pelarasan-gaji-pensyarah-profesor-penjawat-awam-bulan-depan-anwar/

JS-SEZ: Peluang Untuk SG4

- Kerjasama dua negara melalui **Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura** (JS-SEZ) yang terletak di dalam kawasan Iskandar Malaysia (IM) dilihat sebagai satu usaha untuk menghidupkan semula pembangunan ekonomi di selatan negara.
- Tujuan kerjasama ini adalah untuk memupuk hubungan perniagaan yang lebih kukuh dan ketersambungan yang lebih baik antara kedua-dua negara bagi menghadapi kelembapan ekonomi global.
- Walau bagaimanapun, tidak sedikit kes melibatkan Zon Ekonomi Khas ini gagal memenuhi keperluan perniagaan. Oleh itu, JS-SEZ yang digagaskan mengikut model *Shenzhen Special Economic Zone,* China kini menjadi tumpuan pelbagai pihak apakah insentif yang bakal ditawarkan dan bagaimana ia dilaksanakan.
- Selain itu, kerjasama ini dilihat bakal menterjemahkan Pelan Induk Perindustrian Baharu (NIMP2030) dan Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), sama ada JS-SEZ berjaya menghasilkan kesan tumpahan pembangunan ke negeri *State Government* 4 (SG4) dan membawa negara keluar daripada kekal berada di dalam **perangkap pendapatan pertengahan** *(middle income trap)*.
- Bagi SG4, kejayaan bakal diperolehi melalui kerjasama aktif, selari dan pantas bersama-sama dua koridor pelaburan, iaitu Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) dan Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), di mana masing-masing mempunyai pelan hala tuju pelaburan tersendiri. Oleh kerana itu, cadangan Terengganu untuk mewujudkan Dasar Pembangunan Pelaburan Perindustrian Negeri Terengganu amatlah dinanti-nantikan.
- Antara tiga langkah penting ke arah memastikan kejayaan SG4 adalah dengan **melengkapkan ketersambungan jaringan** bagi industri untuk bergerak dengan lancar, pantas dan selamat. Pelbagai insentif perlu diberikan supaya

peningkatan kapasiti logistik dapat dilaksanakan lebih awal sebelum ECRL sedia digunakan akan datang.

- Selain itu, model JS-SEZ menunjukkan bahawa negara boleh bergerak maju ke arah ***subnational diplomacy*** (SD), membuka ruang lebih besar kepada SG4 yang mempunyai visi tersendiri ke arah kesejahteraan dan kemajuan. SD adalah satu kerjasama yang boleh diterokai oleh negeri dan PBT dalam negara dengan negeri dan PBT di luar negara.
- Terakhir, SG4 perlu memantau adaptasi PMKS dan menguatkuasakan **penggunaan teknologi 5G** dalam kalangan industri tempatan supaya misi NIMP2030 dapat direalisasikan melalui i) pembinaan rantaian bekalan tempatan berdaya tahan dan dengan kekuatan tersebut dapat, ii) bersepadu dengan rantaian nilai global dengan lancar dan pantas.

RUJUKAN

- https://insightplus.bakermckenzie.com/bm/international-commercial-trade/malaysia-the-johor-singapore-special-economic-zone-a-tale-of-two-cities-with-a-modern-twist
- https://www.thestar.com.my/business/business-news/2024/01/19/js-sez---real-work-begins-now
- https://www.aseanbriefing.com/news/singapore-and-malaysia-plan-joint-special-economic-zone-in-johor-state/

PEMILU 2024: Prabowo Dahului Sokongan

- Pada 14 Februari depan, seramai 205 juta rakyat Indonesia akan menjalankan tanggungjawab untuk memilih Presiden dan Wakil Presiden yang baharu bagi menggantikan Presiden, Joko Widodo atau Jokowi yang telah selesai berkhidmat selama dua penggal.
- Pemimpin yang menggantikan tampuk kepimpinan Republik itu, bakal berdepan cabaran untuk memulihkan ekonomi pasca COVID-19, menangani rasuah dan mengimbangi hubungan dengan China dan Amerika Syarikat.
- Kempen Pilihan Raya Presiden Indonesia (PEMILU) telahpun bermula 28 November tahun lalu. Tiga pasangan berentap merebut dua jawatan tertinggi Republik itu ialah Prabowo Subianto dan Gibran Rakabuming, Anies Baswedan dan Muhaimin, serta Ganjar Pranowo dan Mahfud Md.
- Pelbagai faktor bakal menentukan corak pengundian rakyat Indonesia dan pastinya idea-idea meliputi kepentingan negara dan penyelesaian masalah menjadi pertimbangan pengundi.
- Dalam **Sesi Debat Terakhir Calon Presiden**, **Prabowo** menekankan kepentingan memperkukuh Angkatan Tentera untuk meningkatkan sistem pertahanan negara. Idea itu dilontarkan melihat situasi di Gaza yang semakin memburuk akibat serangan tanpa henti Rejim Israel.
- **Anies** pula telah membangkitkan isu ancaman seperti peningkatan kes penggodam, sekali gus menjanjikan penubuhan struktur pertahanan siber.
- Manakala, **Ganjar** menyentuh soal Perjanjian Sementara Laut China Selatan dengan menggariskan status Indonesia sebagai bukan penuntut di rantau berkenaan. Menurutnya, perjanjian itu penting selepas mengambil kira isu pemodenan ketenteraan China yang berterusan dan dijangka dimuktamadkan pada 2027.

- Selain itu, Sesi Debat Wakil Presiden turut menyaksikan pusingan sengit daripada ketiga-tiga calon bertanding. **Gibran** mahu Indonesia terus fokus mengembangkan Program Hiliran sedia ada kepada bidang Pertanian, Maritim dan Digital yang pekat dengan isu alam sekitar serta menghentikan eksport bahan mentah.
- **Muhaimin** pula, menyatakan pandangan bahawa pemerintah kurang beri perhatian terhadap nasib petani dan nelayan dengan angka penurunan jumlah dan pemilikan tanah yang tidak mencukupi.
- Sementara **Mahfud** berasa janggal apabila selaku negara kaya dengan sumber alam itu, kini menghadapi masalah bekalan makanan terutamanya, sumber makanan ruji utama iaitu beras. Malah katanya, jumlah petani semakin kurang sehingga menyebabkan jumlah hasil turut berkurangan meskipun kerajaan telah meningkatkan perbelanjaan subsidi.
- Selain tawaran diberikan calon-calon Presiden dan Wakil Presiden, ada lagi faktor lain bakal menentukan pemilihan 205 juta rakyat Republik itu untuk turun mengundi pada Februari depan termasuk sokongan daripada pihak-pihak berkepentingan yang berpotensi mempengaruhi pandangan pengundi.
- Jika dilihat kemenangan Jokowi bagi penggal kedua, turut dipengaruhi sokongan tokoh-tokoh wanita seperti Gabenor Jawa Timur, Khofifah Indar Parawansa. Jawa Timur menjadi wilayah kedua terbesar yang menempatkan 31 juta pemilih yang mengundi Jokowi pada pilihan raya lepas.
- Tiga pesaing PEMILU kali ini dilihat mendapat sokongan daripada Khofifah pada awalnya namun pada 10 Januari lepas, Khofifah telah menyatakan sokongan kepada Probowo. Sokongan Khofifah ketika ini dilihat penting ketika media melaporkan dua lagi pesaing lain, Ganjar dan Anies cuba **membentuk pakatan** untuk menghalang kemenangan langsung Prabowo dan memaksa pusingan kedua pada Jun.

- Dalam tinjauan bulan lalu oleh Indikator Politik Indonesia, Prabowo memperoleh sokongan 46.7 peratus dan beliau mesti memperoleh sekurang-kurangnya 50 peratus undi untuk menggantikan Widodo. Jika tidak, dua calon teratas akan bertarung dalam pusingan kedua.

RUJUKAN

- https://www.astroawani.com/berita-dunia/debat-pemilu-2024-nasib-petani-antara-tumpuan-tiga-calon-wakil-presiden-454983?
- https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2024/01/1203425/debat-terakhir-calon-naib-presiden-indonesia-sengit
- https://www.bharian.com.my/dunia/asean/2024/01/1203108/pemilu-2024-adakah-nasib-calon-presiden-indonesia-di-tangan-wanita

Institusi Mufti Semakin Diperkecil

- Tular baru-baru ini, isu **Mufti Wilayah Persekutuan ditegur** oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Datuk Mohd. Na'im Mokhtar yang menyeru institusi mufti agar lebih berhati-hati dalam mengeluarkan pandangan hukum.
- Kenyataan itu dikeluarkan selepas Mufti Wilayah Persekutuan menyarankan pekerja Islam di Bank Konvensional agar mencari pekerjaan halal yang lain kerana mempunyai **unsur riba**.
- Menteri menyifatkan jawapan yang diberi oleh mufti itu tergantung dan menimbulkan kegusaran dalam masyarakat awam. Beliau menyarankan agar sebarang isu yang bersifat nasional mestilah dibawa ke Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI).
- Perkara tersebut dilihat sebagai satu kenyataan yang dangkal oleh masyarakat kerana institusi mufti sememangnya ditugaskan untuk memberi pandangan berkenaan hukum dan fatwa kontemporari seterusnya mengeluarkan satu garis panduan kepada orang awam. Seolah-olah berlaku ketidakselarian antara menteri dengan agensi di bawahnya.
- Sebelum ini, gesaan Mufti Wilayah Persekutuan agar orang awam tidak menyertai **konsert Coldplay** juga diendahkan Menteri Komunikasi dan Digital yang menyatakan ia sekadar pandangan dan bukannya fatwa yang orang awam perlu ikut.
- Terkini Mufti Pulau Pinang, Datuk Seri Dr. Wan Salim Wan Mohd. Noor pula terpaksa meminta maaf atas saranan beliau agar **Datuk Seri Siti Nurhaliza** menunda konsertnya bagi menghormati ketibaan bulan Ramadan. Kenyataan itu dikeluarkan selepas mendapat kecaman pelbagai pihak terutamanya daripada artis tempatan.

- Peranan institusi mufti semakin hari dilihat diperkecilkan baik daripada pimpinan atasan hinggalah orang awam. Keberanian dan ketegasan mufti dalam memurnikan penyelewengan dan menentang budaya hedonisme seolah-olah tidak lagi dilihat sebagai suatu yang datang daripada mufti.
- Institusi kefatwaan perlu diperkuat semula agar kembali menjadi rujukan utama kepada masyarakat awam dalam melaksanakan tuntutan agama dengan sempurna.

RUJUKAN

- https://www.inforakyat.net/hati-hati-keluar-pandangan-menteri-agama-tiba-tiba-tegur-mufti-wilayah/
- https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/konsert-coldplay-diteruskan-mufti-hanya-beri-pandangan-bukan-fatwa/
- https://ohmymedia.cc/mufti-mohon-maaf-ikhlas-tegur-tarikh-konsert-siti-nurhaliza-hampiri-ramadan?fbclid=IwAR0T5Tt2f4bfJC9bj8sEji86_4RCF1TpmSx-U0FcpmWEi_sDr45c1lRMNWM

Mungkinkah Wujud Kartel Beras?

- Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan (KPKM) menerusi Kawalselia Padi dan Beras sedang bekerjasama dengan Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC) bagi menyiasat **isu kartel** yang didakwa menekan nasib pesawah.
- Pengerusi Gabungan Pengilang-Pengilang Beras Malaysia, Marzukhi Othman berkata, kartel dalam industri beras negara wujud dan sedang menipu pengguna dan kerajaan sekali gus menyaksikan **kelemahan penguatkuasa** yang tidak berupaya menentukan antara beras tempatan dengan beras import.
- Kartel dimonopoli oleh syarikat-syarikat besar yang mempunyai kilang-kilang padi serta pemborong sendiri di bawah penguasan mereka wujud sejak sekian lama. Isu kekurangan bekalan beras berlaku apabila mereka menukar gred atau mencampur **beras tempatan menjadi import** sekali gus mengaut lebih keuntungan.
- Persatuan Beras Bumiputera Malaysia (Barim) mendakwa wujud 'permainan' tertentu dalam BERNAS. Presidennya berkata, ahli persatuan itu tidak mendapat bekalan beras tempatan daripada BERNAS kerana dikatakan tiada stok, sebaliknya sebahagian besar pasar raya mendapat bekalan.
- Selain itu, Ketua Pemuda UMNO, Dr Akmal Salleh membongkar modus operandi kartel yang menggunakan **beras hancur sebagai beras tempatan** kerana boleh dijual pada bukan harga kawalan.
- Pada 4 Januari 2024 yang lalu, KPKM menafikan kewujudan kartel atau mafia yang didakwa terbabit dalam penentuan harga beras dan benih padi dan menyatakan KPKM mengeluarkan 39,000 lesen dalam usaha memastikan tiada kartel atau mafia melalui Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 (Akta 522).

- Kerajaan bersedia meneliti keperluan penstrukturan semula sistem beras sedia ada untuk mengelak berlakunya penyelewengan atau sindiket kartel dalam industri padi dan beras negara.
- Industri padi dan beras perlu dilindungi daripada anasir kapitalis bagi memastikan kebajikan kumpulan petani terbela dan memelihara keterjaminan makanan ruji negara.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2024/01/isu-kartel-beras-tunggu-siasatan-mycc/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=isu-kartel-beras-tunggu-siasatan-mycc
- https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2264599

Cukai Perkhidmatan Digital Meningkat Lebih 2%

- **Cukai perkhidmatan digital** (*Digital Service Tax*, DST) merupakan cukai yang dikenakan kepada pengguna yang menggunakan mana-mana perkhidmatan yang dibekalkan atau dilanggani melalui internet atau rangkaian elektronik, sama ada daripada pihak luar negara ataupun tempatan.
- Mengambil pengajaran sewaktu cukai ini diperkenalkan pada Januari 2020, kenaikan harga perkhidmatan digital tidak berhenti sekadar 6% sahaja, kerana adanya golongan yang tidak bertanggungjawab dan mengambil kesempatan di atas kenaikan ini.
- Lebih memburukkan keadaan, sistem cukai jualan dan perkhidmatan (SST) semasa tidak menghapuskan **kesan cukai bertingkat** atau 'cukai atas cukai' pada setiap peringkat pengeluaran, dan ini juga akan memberi tekanan langsung kepada caj yang bakal dibayar oleh rakyat.
- Seperti yang pernah dimaklumkan sewaktu pembentangan Belanjawan 2024 oleh Perdana Menteri ke-10 merangkap Menteri Kewangan Malaysia, pengumuman rasmi telah pun dibuat di portal Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) yang kadar DST akan dinaikkan daripada **6% kepada 8%** bermula 1 Mac 2024 ini.
- Kenaikan DST juga akan dijangka berlaku bagi aktiviti dalam talian yang berkaitan seperti kos pengiklanan dalam talian, penyiaran kandungan, aplikasi mudah alih serta platform teknologi digital yang merupakan sebahagian daripada komponen penting bagi pengguna dalam era digital masa kini.
- Kenaikan cukai ini, ditambah dengan beberapa pengenalan cukai baru oleh Kerajaan MADANI seperti Cukai Barangan Bernilai Rendah (LVGT) 10%, Cukai Barang Bernilai Tinggi (HVGT) 10%, peningkatan SST daripada 6% kepada 8% serta perluasan skop SST, serta cukai 8% untuk perubatan komplimentari dan

alternatif, adakah tahun 2024 ini adalah tahun rakyat dihimpit dari pelbagai sudut dengan cukai?

- Ini sekali gus memberikan kesan kepada pengguna melalui "ripple effect" yang berlaku disebabkan oleh kenaikan dan pengenalan cukai-cukai tersebut, terutama **peningkatan harga** oleh pembekal perkhidmatan serta peniaga dalam talian.
- Penyedia perkhidmatan sudah pasti akan memindahkan kos-kos kenaikan ini kepada pengguna, lebih-lebih lagi sekiranya tiada tindakan tegas yang akan diambil oleh Kerajaan kepada mereka yang tidak bertanggungjawab dan menaikkan harga berkali ganda yang bertopengkan kenaikan 2% ini sebagai alasan.
- "Formula" mudah seperti menaikkan cukai serta memperkenalkan cukai-cukai baharu yang tidak efisien secara langsung akan menekan lapisan terbawah dalam rantaian ekonomi iaitu pengguna.
- Kerajaan seharusnya lebih kreatif dalam meneroka kaedah penjanaan pendapatan tambahan kepada negara yang lebih sesuai bagi menjamin pendapatan yang lebih mapan dan seimbang kepada ekonomi negara, dalam masa yang sama tidak membebankan pengguna dan rakyat.

RUJUKAN

- https://www.utusan.com.my/nasional/2023/10/belanjawan-2024-cukai-perkhidmatan-dinaik-kepada-lapan-peratus/
- https://www.3ecpa.com.my/sumber-maklumat/cukai-jualan-dan-perkhidmatan-sst-di-malaysia/cukai-perkhidmatan-digital-di-malaysia/?lang=ms#:~:text=Pengenalan%20cukai%20perkhidmatan%20digital%20di,mana%20pengguna%20akan%20dikenakan%20cukai.
- https://www.buletintv3.my/nasional/dst-naik-dua-peratus-harga-perkhidmatan-digital-dijangka-melambung/



NEXUS

RINGKASAN ISU SEMASA MINGGUAN

YAYASAN STRATEGIK LESTARI

Maklumat lanjut mengenai penerbitan
Ringkasan Isu Semasa Mingguan
boleh didapati di:

www.yslestari.org.my

© **Hak Cipta Terpelihara**